

KUTKM pertama kali cipta robot

Archival News | Utusan Malaysia | 21/04/2005

MELAKA 20 April - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) buat pertama kali mencipta robot untuk menyertai pertandingan Robocon yang dijadual berlangsung di Kuala Lumpur, Jumaat ini.

Robot yang dicipta oleh pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) itu dilancarkan oleh Timbalan Rektor (Pembangunan dan Perancangan Korporat) KUTKM, Prof. Madya Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah hari ini.

Abu Bakar dalam ucapannya berkata, penyertaan KUTKM dalam pertandingan itu merupakan satu inisiatif dan komitmen yang amat baik bagi mengetengahkan imej KUTKM di peringkat kebangsaan.

Katanya, dalam menghadapi era globalisasi masa kini, inovasi, kreativiti dan daya cipta amat diperlukan untuk menghadapi cabaran dalam bidang teknologi pembuatan.

"Penyertaan KUTKM dalam pertandingan ini bukan sahaja dapat menambahkan kewibawaan fakulti malah diharapkan dapat mempertingkatkan keyakinan, ilmu pengetahuan dan keterampilan di kalangan peserta yang terlibat," katanya.

Beliau berharap, Pasukan Robocon KUTKM yang dianggotai seramai 13 ahli itu dapat menimba pengalaman berharga semasa membuat robot itu yang dimulakan pada pertengahan bulan lepas dan semasa pertandingan itu kelak.

``Gunakan peluang ini untuk membina dan mengeratkan hubungan dengan pasukan lain yang datang dari pelbagai institusi di negara ini, pengetahuan yang diperoleh tentunya akan memberi banyak manfaat dan boleh dikongsi dengan rakan-rakan yang lain," katanya.

Kata Abu Bakar, beliau yakin pasukan Robocon KUTKM akan memberikan saingan kepada pasukan lain dan seterusnya mencapai matlamat untuk menang dan mewakili negara ke pertandingan di peringkat Asia iaitu di Beijing pada bulan Ogos tahun ini.

(Source : Utusan Malaysia)